الأذكار بعد الصلاة

مَأْخُوذَةٌ مِنَ الكِتَابِ وَالسُّنَّةِ



جمع وترتيب :

أَيْمَانُ حَنَّانُ الشِّيرَازِيُّ

طالب في المدرسة الثانوية الدينية وزارة الشؤون الدينية بولاية المتحدة كوالا لمبور

دار اهل الاثر

(MUQADDIMAH PENYUSUN)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَصَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

Zikir merupakan antara ibadah yang paling mulia dan ringan di lidah namun sangat besar pahalanya di sisi Allah SWT. Ia adalah penenang jiwa, penghapus dosa, dan sebab utama seseorang itu hampir kepada Rabb-nya. Allah SWT berfirman:

﴿ فَٱذْكُرُونِيٓ أَذْكُرْكُمْ ﴾

"Maka ingatlah kamu kepada-Ku, nescaya Aku akan ingat kepadamu…" (Al-Baqarah: 152).

Dalam hadith sahih, Rasulullah ﷺ bersabda:

(أَلَا أُنَبِّئُكُمْ بِخَيْرِ أَعْمَالِكُمْ وَأَزْكَاهَا عِنْدَ مَلِيكِكُمْ , وَأَرْفَعِهَا فِي دَرَجَاتِكُمْ ، وَخَيْرٍ لَكُمْ مِنْ إِنْفَاقِ الذَّهَبِ وَالْوَرَقِ ، وَخَيْرٌ لَكُمْ مِنْ أَنْ تَلْقَوْا عَدُوَّكُمْ ، فَتَضْرِبُوا أَعْنَاقَهُمْ ، وَيَضْرِبُوا أَعْنَاقَكُمْ ؟) ، قَالُوا : بَلَى , فَقَالَ عَلَيْهِ ٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ : (ذِكْرُ اللَّهِ تَعَالَى)

"Mahukah aku khabarkan kepada kamu sebaik-baik amalan, paling suci di sisi Tuhanmu, paling tinggi darjatnya, lebih baik bagimu daripada menginfakkan emas dan perak, dan lebih baik daripada kamu bertemu musuhmu lalu kamu memenggal leher mereka dan mereka memenggal lehermu?" Mereka menjawab: "Sudah tentu." Baginda bersabda: "Zikir kepada Allah." (Riwayat al-Tirmizi, hasan sahih)

Zikir selepas solat pula adalah antara sunnah yang sangat ditekankan oleh Rasulullah ﷺ. Dalam hadith sahih riwayat Muslim, Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ سَبَّحَ اللَّهَ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلاَةٍ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ، وَحَمِدَ اللَّهَ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ، وَكَبَّرَ اللَّهَ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ، فَتِلْكَ تِسْعَةٌ وَتِسْعُونَ، وَقَالَ تَمَامَ الْمِائَةِ: **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ،** غُفِرَتْ خَطَايَاهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ

"Sesiapa yang membaca selepas setiap solat: Subhanallah 33 kali, Alhamdulillah 33 kali, dan Allahu Akbar 33 kali, lalu melengkapkannya menjadi seratus dengan membaca: Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nyalah kerajaan dan bagi-Nyalah segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu — maka diampunkan dosa-dosanya walaupun sebanyak buih di lautan."

Atas dasar itulah terjemahan zikir selepas solat ini disusun, bagi memudahkan umat Islam memahami makna setiap lafaz yang diucapkan, sekaligus mendekatkan mereka kepada sunnah Nabi ﷺ yang sahih.

Ramai dalam kalangan kita yang membaca zikir secara rutin, namun tanpa memahami maknanya, yang menyebabkan hati tidak hadir dan kesan zikir itu tidak dirasai sepenuhnya. Maka dengan memahami makna, zikir menjadi lebih hidup dan bermakna.

Para ulama salaf sangat menekankan amalan zikir. Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah ﵀ berkata:

الذِّكْرُ لِلْقَلْبِ كَالْمَاءِ لِلسَّمَكِ فَكَيْفَ يَكُوْنُ حَالَ السَّمَكِ إِذَا فَارَقَ

"Zikir adalah —bagi hati seperti air bagi ikan. Maka bagaimana keadaan ikan jika dipisahkan dari airnya?"

Manakala Imam Hasan al-Basri ﵀ pula menyebut:

تَفَقَّدُوا الحَلاَوَةَ فِي ثَلاَثٍ : الصَّلاَةُ، وَالقُرْآنُ، وَالدُّعَآءُ، فَإِن وَجَدتُمُوهَا فَاحْفَظُوا وَاحْمَدُوا اللهَ عَلَى ذَلِكَ، وَإِنْ لَم تَجِدُوهَا فَاعْلَمُوا أَنَّ البَابَ مُغْلَقٌ.

"Carilah manisnya ibadah dalam tiga perkara: dalam solat, dalam zikir, dan dalam membaca al-Qur'an. Jika kamu tidak mendapatkannya, ketahuilah bahawa pintu hatimu telah tertutup."

Akhir kata, semoga usaha kecil ini memberi manfaat dan menjadi asbab untuk kita lebih mencintai zikir serta istiqamah mengamalkannya sesuai dengan sunnah. Jadikanlah setiap ucapan zikir sebagai jambatan yang menghubungkan kita dengan Allah ﷻ, dan sebagai penyubur iman dalam hati yang sentiasa mengharap redha-Nya.

Wallahu a'lam, hanya kepada Allah kita berserah dan memohon pertolongan.

AIMAN HANNAN BIN ADZLI SHAFERUL

Penyusun buku 'Zikir Selepas Solat'.

(ISI KANDUNGAN)

ZIKIR 1 : ISTIGHFAR, ALLAHUMMA ANTASSALAM

أَسْتَغْفِرُ اللهَ، أَسْتَغْفِرُ اللهَ، أَسْتَغْفِرُ اللهَ. اللّٰهُـمَّ أَنْـتَ السَّلامُ،

وَمِنْكَ السَّلام، تَبارَكْتَ يا ذا الجَلالِ وَالإِكْرام.

*Aku memohon ampun kepada Allāh (***dibaca sebanyak 3 kali***). Ya Allāh, Engkaulah yang memiliki kesejahteraan, daripada Engkau pula kesejahteraan itu, Maha Suci Engkau, wahai Pemilik Keagungan dan Kemuliaan.*

ZIKIR 2 : KALIMAH TAUHID 1

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّهُ وَحدَهُ لا شَرِيكَ لهُ، لهُ المُلْكُ ولهُ الحَمْد، وهوَ على كلّ
شَيءٍ قَدِيرٌ، اللّهُـمَّ لا مانِعَ لِما أَعْطَـيْت، وَلا مُعْطِيَ لِما مَنَـعْت، وَلا
يَنْفَـعُ ذا الجَدِّ مِنْـكَ الجَد.

Tiada Tuhan melainkan Allāh yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, miliknya segala kerajaan, miliknya juga segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa keatas segala sesuatu. Ya Allāh, tiada orang yang dapat menghalang apa yang Engkau beri, dan tidak pula mereka dapat memberi apa yang Engkau halang, dan tidak bermanfaat sebarang kekayaan atau pangkat disisiMu.

ZIKIR 3 : KALIMAH TAUHID 2

لا إلهَ إلاّ اللّه, وحدَهُ لا شريكَ لهُ، لهُ الملكُ ولهُ الحَمد، وهوَ على كلّ شيءٍ قدير، لا حَـوْلَ وَلا قـوَّةَ إِلاّ بِاللهِ، لا إلهَ إلاّ اللّـه، وَلا نَعْبُدُ إِلاّ إيّـاه, لَهُ النِّعْـمَةُ وَلَهُ الفَضْل وَلَهُ الثَّناءُ الحَسَن،

لا إلهَ إلاّ اللّهُ مخْلِصينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَـرِهَ الكافِرون.

Tiada Tuhan melainkan Allāh yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, miliknya segala kerajaan, miliknya juga segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa keatas segala sesuatu. Tiada daya dan kekuatan kecuali dengan bantuan Allāh. Tiada Tuhan selain Allāh, dan kami tidak menyembah kepada sesuatu selainNya, bagiNya segala kurniaan nikmat, bagiNya segala kelebihan, dan bagiNya segala puji-pujian yang baik. Tiada Tuhan selain Allah, kami menyembahNya

dengan ikhlas, walaupun dibenci oleh orang-orang kāfir.

ZIKIR 4 : TASBIH FATIMAH

سُــبْحانَ اللّٰهِ (33×) الحَمْــدُ لله (33×) اللّٰهُ أكْــبَر (33×)

لا إلهَ إلاّ اللّه, وحدَهُ لا شريكَ لهُ، لهُ الملكُ ولهُ الحَمد، وهوَ على كلّ شيءٍ قدير

Maha Suci Allāh (33 kali) Segala puji bagi Allāh (33 kali) Allāh Maha Besar (33 kali).

Tiada Tuhan melainkan Allāh yang disembah dengan esa, tiada sekutu bagiNya, miliknya segala kerajaan, miliknya juga segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa keatas segala sesuatu.

ZIKIR 5 : SURAH AL-IKHLAS

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ١ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ٢ لَمۡ يَلِدۡ وَلَمۡ يُولَدۡ ٣
وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدُۢ ٤

Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; (1) "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; (2) "Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; (3) "Dan tidak ada sesiapapun yang serupa denganNya". (4)

ZIKIR 6 : SURAH AL-FALAQ

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

قُلۡ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلۡفَلَقِ ١ مِن شَرِّ مَا خَلَقَ ٢ وَمِن شَرِّ
غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ٣ وَمِن شَرِّ ٱلنَّفَّٰثَٰتِ فِي ٱلۡعُقَدِ ٤
وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ٥

Katakanlah (wahai Muhammad); "Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk (1) "Dari bencana makhluk-makhluk yang Ia ciptakan (2) "Dan dari bahaya gelap apabila ia masuk; (3) "Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan); (4) "Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya". (5)

ZIKIR 7 : SURAH AL-NAS

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

قُلۡ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلنَّاسِ ١ مَلِكِ ٱلنَّاسِ ٢ إِلَٰهِ
ٱلنَّاسِ ٣ مِن شَرِّ ٱلۡوَسۡوَاسِ ٱلۡخَنَّاسِ ٤ ٱلَّذِى
يُوَسۡوِسُ فِى صُدُورِ ٱلنَّاسِ ٥ مِنَ ٱلۡجِنَّةِ
وَٱلنَّاسِ ٦

Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung kepada (Allah) Pemulihara sekalian manusia. (1) "Yang Menguasai sekalian manusia, (2) "Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia, (3) "Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam, - (4) "Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia, - (5) "(Iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia". (6)

ZIKIR 8 : AYATUL KURSI

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ لَا تَأۡخُذُهُۥ سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ لَّهُۥ مَا فِي
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ يَعۡلَمُ مَا
بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ وَسِعَ
كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya) (255)

ZIKIR 9 : KALIMAH TAUHID 3

لا إلهَ إلاّ اللّهُ وحْـدَهُ لا شريكَ لهُ، لهُ المُلكُ ولهُ الحَمْد، يُحيـي وَيُمـيتُ وهُوَ على كُلّ شيءٍ قدير

Tiada Tuhan melainkan Allāh yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, miliknya segala kerajaan, miliknya juga segala pujian, Dia Maha Menghidupkan dan Maha Mematikan, dan Dia Maha Berkuasa keatas segala sesuatu. (dibaca 10 kali selepas solat Maghrib dan Subuh)

ZIKIR 10 : DOA RINGKAS

اللّهُمَّ إِنّـي أَسْأَلُكَ عِلْماً نافِعاً وَرِزْقاً طَيِّباً ، وَعَمَلاً مُتَقَبَّلاً

Ya Allāh, aku memohon kepadaMu ‘ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima. [**dibaca selepas memberi salam sewaktu solat Subuh**]

Selesai terjemahan pada tarikh **22 Jamādil ‘Akhīr 1446 Hijrah** di Kangar, Perlis. Semoga Allāh menjadikan kita semua teguh dan istiqamah diatas Sunnah Nabi صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.